

Terpaksa keluar ikut tingkap kereta


LUKUT – Seorang wanita bersama anaknya yang berusia tiga tahun terpaksa dibawa keluar dari tingkap kereta dipandunya selepas terperangkap dalam banjir kilat di simpang empat Port Dickson-Sepang kira-kira jam 9.40 pagi, semalam.

Difahamkan sebelum itu, wanita berkenaan enggan keluar melalui pintu kerana bimbang jika dibuka, air banjir paras lutut akan memasuki keretanya.

Wanita terbabit kemudian menghubungi salah seorang saudaranya untuk mengambil dan membawa mereka pulang.

Keretawanita itu kemudian ditolak ke bahu jalan oleh anggota Unit Tindakan Khas Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD) yang tiba di lokasi berkenaan kira-kira jam 10.10 pagi sebelum ditarik lori penunda.

Adun Lukut, Ean Yong Tin Sin berkata, kejadian banjir di kawasan simpang empat Port Dickson-Sepang sudah berlarutan pada 2008 dan men-



Kereta milik seorang wanita yang terkandas di tengah jalan semasa banjir kilat di simpang empat Port Dickson-Sepang, semalam.

jadi semakin serius sejak dua tahun kebelakangan ini.

Menurutnya, setiap kali hujan lebat walaupun tempoh masanya kurang satu jam, laluan itu akan banjir sehingga mengakibatkan lalu lintas tergendala.

“Akibatnya kawasan ini akan berlaku kesesakan lalu lintas dan ada kenderaan yang rosak kerana dimasuki air,” katanya.

Tin Sin berkata, masalah banjir kilat di laluan itu dan ka-

wasan perumahan berdekatan sudah beberapa kali dibawa ke Sidang Dun.

“Namun sejak perkara itu diutarakan ke Sidang Dun belum ada tindakan yang diambil pihak berkenaan.

“Secara logiknya, masalah banjir kilat yang berlaku disebabkan sistem perparitan sungai dan longkang yang tidak lagi mampu menampung aliran air setiap kali hujan,” katanya.

Katanya, siasatan menye-

luruh perlu dilaksanakan dan gerak kerja yang lebih komprehensif mesti dibuat bagi memastikan masalah yang membelenggu orang ramai dapat diselesaikan.

“Setiap kali banjir berlaku ia akan membabitkan kerugian yang besar kepada orang ramai terutamanya pengguna jalan raya dan penduduk di kawasan Taman Indah Jaya, Taman Perindustrian Lukut serta Taman Wawasan,” katanya.